BPSB. The purchase consideration for the acquisition of BPSB was arrived at after taking into consideration the audited NTA of BPSB as at 31 December 1999 of RM428,369,536 after adjusting for payment of special dividend to MoF Inc.

The restructuring exercise was completed in the first quarter of 2001 and followed by the listing of its shares on the Main Board of KLSE on 16 April 2001.

FINANCIAL RESULT

The company did not commence operations during the financial year under review. Shareholders' Fund shows a deficit of RM73,640.00 comprising a Paid-up Share Capital of RM2.00 and an Accumulated Loss of RM73,642.00. The Accumulated Loss represents Formation and Pre-Operating Expenses that are recognized as an expenses when they are incurred.

DIVIDEND

The Board does not recommend any payment of dividend for the financial period ended 31 December 2000.

ECONOMIC AND BUSINESS ENVIRONMENT OVERVIEW

The economic conditions in the country showed strong

Hub Port of BIMP - EAGA

Prior to the acquisition of BPSB by BHB, BPSB made a one-off payment of a special dividend to its then sole shareholder, MoF Inc., amounting to RM100 million. BHB then, on 13 December 2000, entered into a Share Sale Agreement with Ministry of Finance Incorporation (MoF Inc.), for the acquisition of 100% of the entire ordinary share capital of BPSB comprising of 65,000,000 ordinary shares of RM1.00 each for a purchase consideration of RM428,369,536 satisfied by an issue of 299,999,998 new ordinary shares of RM1.00 each in BHB at an issue price of approximately RM1.43 per ordinary share, credited as fully paid up while MoF Inc. maintained the one (1) BPSB Special Share in

signs of recovery from recession in 1997 and 1998 during the year 2000 with strong evidence of growth in key sectors. Recently, in the 2001 Budget Speech by the Minister of Finance on 27 October 2000, it is announced that the Malaysian economy is expected to register a Gross Domestic Product (GDP) growth of 7.5% for 2000. Growth is expected to be broad-based with all sectors registering positive growth. It is anticipated that the manufacturing sector, which has registered double-digit growth for 15 consecutive months to date, will continue to lead this growth.

The economic outlook for 2001 is expected to be



favourable. The Malaysian economy is expected to sustain a GDP growth of 7% as its macroeconomic fundamentals continue to strengthen. The continued expansion in economic activities is expected to be achieved in an environment where external demand will continue to support aggregate domestic activities generated by a broad-based recovery. Growth is expected to be sustained by the stronger performance of the private sector, which will provide the primary stimulus. Manufacturing activity will again propel growth as production is expected to grow by 12% in 2001.

Further, the Sarawak economy is undergoing a transformation from an economy once dominated by rural traditional agriculture and the production of petroleum and log to an economy that is dominated by manufacturing and processing of petroleum, gas, petrochemicals and timber products.

Looking into this aspect, I believed that after listing, our IPO would receive enthusiastic response from the local and foreign investors. The Port too would continue to take a proactive stance to weather the storm and set to achieve new grounds in the face of persisting challenging times.

PROSPECT OF THE BHB GROUP AND FUTURE OUTLOOK

Bintulu Port is strategically located near the main sea-lane between the Far East and Europe and has emerged as one of the busiest ports in Malaysia due to its geographical location. In just over a brief period, it has demonstrated its ability to play an increasingly important role in Malaysia's external trade. The Port has a technical advantage in terms of facilities to cater for the economic activities of its hinterland and upon the completion of the LNG Tiga plant and with it the LNG-3 Jetty in 2002, Bintulu Port will be the largest single LNG terminal in the world. The Port also handles the entire cargo throughput for middle distillates from the only SMDS plant in the world and the cargo throughput for urea from one of the largest granular urea plants in Asia, the ABF plant.

The development of the Bintulu Port as well as the industrial estates in Bintulu is expected to spur considerable economic opportunities in Sarawak. This is vital to Bintulu Port as it has the potential to become the principal terminal to facilitate the movement of materials, plant and equipment for development activities and eventually export of products produced by the industrial activities established. Moreover, the growing number of road projects linking the growth regions in Sarawak to Bintulu Port will boost the position of the Port in the external trade of the State. Notable being the interstate trunk road, which upon completion will link the various divisions in Sarawak, which will further, enhance the flow of traffic from the regions and the Port's traditional hinterland to the Port.

Despite the difficult economic conditions that hit certain sector in the industry, I believed that the coming year will still see an environment conducive for healthy business. The Port will continue to consolidate its position and restructure its operations to be leaner and more efficient. It will focus on the investment holding and providing management support to its subsidiary. In addition, BHB is also seeking business opportunities whether in Port related or non-Port related activities that may arises.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board of Directors, I would like to express our sincere appreciation to all our customers, business associates, bankers, regulatory bodies and shareholders for their continuous support and understanding throughout the year. We are also grateful to the management and staff of BHB who have shown great persistence, continuance and diligence throughout the year.

YBHG. DATUK MOHAMED ADNAN BIN ALI
Chairman, Bintulu Port Holdings Berhad



Saya dengan sukacita membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000.

Bintulu Port Holdings Berhad (BHB) telah diperbadankan di Malaysia pada 22 Mac 1996 di bawah Akta Syarikat, 1965 sebagai sebuah syarikat awam di bawah nama yang sama. BHB pada masa ini adalah dormant tetapi akan beroperasi sebagai sebuah syarikat pemegang pelaburan dan juga menyediakan pengurusan sokongan kepada anak syarikatnya.

PENYUSUNAN SEMULA

Sehubungan dengan dan sebagai bahagian penting penyusunan dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham biasa BHB yang diterbitkan dan berbayar pada Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), BHB telah membuat penyusunan semula yang melibatkan Bintulu Port Sdn. Bhd. (BPSB) yang mana telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada 6 Disember 2000.

Sebelum pengambilalihan BPSB oleh BHB, BPSB membuat satu bayaran sekali dividen khas kepada pemegang saham tunggalnya ketika itu, MoF Inc., berjumlah sebanyak RM100 juta. Pada 13 Disember 2000, BHB menandatangani Perjanjian Jual beli dengan MoF Inc., bagi pengambilalihan 100% daripada keseluruhan modal saham BPSB terdiri daripada 65,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi balasan pembelian sebanyak RM428,369,536 dijelaskan melalui terbitan sebanyak 299,999,998 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam BHB pada harga terbitan lebih kurang RM1.43 setiap saham biasa, dikreditkan sebagai berbayar penuh. Untuk tujuan strategik, MoF Inc., telah mengekalkan satu (1) Saham Khas BPSB dalam BPSB. Balasan pembelian bagi pengambilalihan BPSB dicapai selepas mengambil kira NTA teraudit BPSB pada 31 Disember 1999 sebanyak RM428,369,536 selepas pelarasan bagi bayaran dividen khas kepada MoF Inc.

Penyusunan semula telah tamat pada suku tahun pertama 2001 dan diikuti dengan penyusunan sahamnya di Papan Utama BSKL pada 16 April 2001.

KEPUTUSAN KEWANGAN

Syarikat belum lagi memulakan sebarang operasi pada tahun kewangan semasa. Defisit Pemegang Saham sebanyak RM73,640.00 merupakan Modal Saham Berbayar sebanyak RM2.00 dan Kerugian Berkumpul sebanyak RM73,642.00. Kerugian Berkumpul merupakan Perbelanjaan Pembentukan dan Pra-Kendalian yang diiktiraf sebagai perbelanjaan bila ianya berlaku.

DIVIDEN

Lembaga Pengarah tidak bercadang untuk membayar dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000.

GAMBARAN PERNIAGAAN DAN EKONOMI

Keadaan ekonomi di negara ini telah menunjukkan tanda peningkatan yang kukuh pada tahun 2000 setelah berlaku kegawatan dalam tahun 1997 dan 1998 dibuktikan dengan peningkatan yang kukuh pada sektor utama. Baru-baru ini dalam Ucapan Belanjawan 2001 pada 27 Oktober 2000, Menteri Kewangan mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan KDNK 7.5% bagi tahun 2000. Pertumbuhan ini dijangka meluas dengan semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif. Adalah dijangkakan bahawa sektor perkilangan, yang telah mencatatkan pertumbuhan dua angka bagi 15 bulan berturut-turut sehingga kini, akan terus menerajui pertumbuhan ini.

Harapan ekonomi bagi tahun 2001 dijangka positif. Ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan pertumbuhan KDNK 7% kerana asas makroekonominya terus bertambah kukuh. Pengembangan yang berterusan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dijangka akan dicapai dalam persekitaran di mana permintaan luar negara akan terus menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi keseluruhan yang dijanakan oleh pemulihan yang meluas. Pertumbuhan dijangka dikekalkan oleh prestasi sektor swasta yang lebih kukuh yang akan memberi rangsangan utama. Kegiatan perkilangan sekali lagi akan mendorong pertumbuhan kerana pengeluaran dijangka meningkat 12% pada tahun 2001.

Lanjutan daripada itu, ekonomi Sarawak sedang mengalami perubahan dari ekonomi yang suatu masa dahulu didominasi oleh pertanian tradisional luar bandar dan pengeluaran petroleum dan balak kepada ekonomi yang didominasi oleh perkilangan dan pemprosesan petroleum, gas, petrokimia dan keluaran kayu-kayan.

Melihat kepada aspek ini, saya percaya bahawa selepas pengapungan, IPO kami akan menyuntik semangat dan menarik perhatian pelabur tempatan dan asing. Malah, Syarikat akan meneruskan usaha ke arah lebih pro-aktif untuk menangani masalah dan menetapkan cara baru bagi menghadapi masa-masa yang penuh dengan cabaran ini.



PROSPEK KUMPULAN BHB DAN JANGKAAN MASA HADAPAN

Pelabuhan Bintulu terletak di kawasan yang strategik berhampiran laluan laut yang utama antara Timur Jauh dan Eropah dan telah muncul sebagai salah sebuah pelabuhan paling sibuk di Malaysia akibat daripada lokasi geografinya. Dalam tempoh yang singkat, ia sudah pun membuktikan kemampuannya untuk memainkan peranan yang semakin penting dalam perdagangan luar negara Malaysia.

Pembangunan Pelabuhan Bintulu dan kawasan-kawasan perindustrian di Bintulu dijangka mendorong peluang-peluang ekonomi yang besar di Sarawak. Ini amat penting bagi Pelabuhan Bintulu kerana ia mempunyai potensi untuk menjadi terminal utama bagi memudahkan pergerakan bahan-bahan, loji dan kelengkapan bagi aktiviti pembangunan dan akhirnya eksport keluaran yang dihasilkan oleh aktiviti perindustrian yang diwujudkan itu. Selain itu, semakin bertambahnya bilangan projek-projek jalan yang menghubungkan wilayah-wilayah pertumbuhan di Sarawak ke Pelabuhan Bintulu akan meningkatkan kedudukan pelabuhan ini dalam perdagangan luar

negara negeri Sarawak. Yang ketara ialah jalan penghubung utama antara negeri yang apabila siap nanti akan menghubungkan pelbagai bahagian di Sarawak yang akan melancarkan lagi aliran lalu lintas dari wilayah-wilayah tersebut dan pedalaman tradisional Pelabuhan ke Pelabuhan.

Disebalik kesukaran yang dihadapi oleh sektor tertentu dalam keadaan ekonomi ini, saya percaya pada tahun akan datang, kita akan dapat melihat persekitaran yang lebih kondusif bagi perniagaan yang lebih sihat. Syarikat akan terus mengukuhkan kedudukannya dan menyusun semula operasinya untuk menjadi lebih cekap. Ia akan menjurus kepada pemegangan pelaburan dan juga menyediakan pengurusan sokongan kepada anak syarikatnya. Sebagai tambahan, BHB juga sedang mengenalpasti peluang perniagaan samada aktiviti yang berkaitan dengan pelabuhan atau sebaliknya yang mungkin wujud.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada semua pelanggan, rakan niaga, pihak bank, badan-badan kawalselia dan pemegang-pemegang saham yang telah memahami dan menunjukkan sokongan yang berterusan sepanjang tahun ini. Kami juga melahirkan perasaan syukur kepada pihak pengurusan dan kakitangan BHB yang telah menunjukkan daya usaha yang tinggi dan berterusan sepanjang tahun ini.

YBHG. DATUK MOHAMED ADNAN BIN ALI
Pengerusi, Bintulu Port Holdings Berhad



Managing Director's Statements



Bintulu Port was built to facilitate the activities arising from the discovery of huge natural gas and oil reserves offshore Sarawak (i.e. in the Central Luconia Field, located approximately north of Bintulu) in the early 1970's. The commencement of the construction of the Bintulu Port project started in August 1979 and was completed in December 1982 at a cost of approximately RM558 million. It began operations on 1st January 1983. However, since then, Bintulu Port has expanded its services to cater for other industries, which has grown around the Port and its hinterland.

On 31 December 1992, BPSB was granted a license to operate Bintulu Port for thirty (30) years from 1st January 1993 to 31st December 2022. The renewal of the license thereafter is at the discretion of BPA. On 12th January 1993, pursuant to the signing of the Sale and Purchase of Business Agreement between the Government, BPA and BPSB, 19,999,998 ordinary shares of RM1.00 each was issued to BPA. A BPSB Special Share was issued to MoF Inc. on 30th July 1994.

Bintulu Port Holdings Bhd. was incorporated on 22nd March 1996 in Malaysia under the Company's Act, 1965 as a public limited company. It is principally an investment holding company and also provides management support to its subsidiary.

The present authorized share capital of BHB is RM1,000,000,001 comprising 1,000,000,000 ordinary shares of RM1.00 each and one special rights redeemable preference share of RM1.00 ("BHB Special Share"). The paid-up share capital is RM2 comprising 2 ordinary shares of RM1.00 each.

Acquisition of BPSB

On 13th December 2000, BHB entered into a Share Sale Agreement with the sole shareholder of BPSB, MoF Inc., for the acquisition of 100% of the entire ordinary share capital of BPSB comprising 65,000,000 ordinary shares of RM1.00 each for a purchase consideration of RM428,369,536 satisfied by an issue of 299,999,998 new ordinary shares of RM1.00 each in BHB at an issue price of approximately RM1.43 per ordinary share, credited as fully paid up. For strategic purposes, MoF Inc. has maintained the one (1) BPSB Special Share in BPSB.

The Thrust Behind The Growth of Bintulu Port

The petrochemicals and gas industry has been identified as one of the major catalysts for the rapid development in Malaysia, and more particularly for the state of Sarawak.

Crude petroleum, LNG and petroleum products contribute more than 4.87% and 46.72% of Malaysia and Sarawak's total export earnings, respectively.

LNG has been the principal contributor to the cargo traffic at Bintulu Port since it started production in 1983. LNG traffic at Bintulu Port grew from 1.382 million tonnes in 1983 to an estimated 15.773 million tonnes in the year 2000.

Construction of the MLNG Tiga plant has started and expected to begin production in 2002. The plant is located adjacent to the existing facilities which also house MLNG and MLNG Dua plants in Bintulu. The MLNG Tiga plant is capable of producing up to 6.8 million tonnes per year once it reach full production. The completion of MLNG Tiga plant is monumental as Malaysia would have the largest LNG plant complex in the world on a single site.





Other petrochemicals products handled by Bintulu Port includes crude oil, contributing about 14.3% of the total tonnage handled by the port in 2000 , petroleum products contributing 2.51%, Middle Distillate Synthesis Products 0.70% and LPG 1.06%.

The dry bulk cargo comprising of silica sand, urea and ammonia, bulk fertilizer sodium silicate, palm kernel expeller, clinker and gypsum contributed about 5.91% of the total Port throughput for the year.

In the general cargo sector, timber products in the form of sawn timber, veneer and plywood contributed about 5.29% of the total cargo throughput. Container traffic meanwhile grows by more than 30% in term of TEUs in 2000 to 47,609 TEUs.

Prospect of the BHB Group

The port has a technical advantage in terms of facilities to cater for the economic activities of its hinterland and upon the completion of the LNG Tiga plant and with it the LNG-3 Jetty in 2002, Bintulu Port will be the largest single LNG Terminal in the world. The Port also handles the entire cargo throughput for middle distillates from the only SMDS plant in the world and the cargo throughput for urea from one of the largest granular urea plants in Asia, the ABF plant.

The development of the Bintulu Port as well as the industrial estates in Bintulu is expected to spur considerable economic opportunities in Sarawak. This is vital to Bintulu Port as it has the potential to become the principal terminal to facilitate the movement of materials, plants and equipment for development activities and eventually export of products produced by the industrial activities established.

The bright prospect of the LNG and petrochemical industries, the increasing prominence of the manufacturing sector in Sarawak and the external trade orientation of the economy augers well to the growth of the ports in Sarawak, particularly Bintulu Port. The developments outlined above are expected to increase the BHB Group's existing customers base as well as to provide greater resilience against any downturn in specific industries and the nation's economy.

Acknowledgement

I would like to express my thanks to all the employees for their contribution to company and to all our clients for their continuing support and patronage.

CAPT. AWANGKU MALYX BIN PENGIRAN MAHRAN
Managing Director



Pelabuhan Bintulu telah dibina untuk memudahkan kegiatan-kegiatan yang timbul daripada penemuan gas asli dan rizab minyak yang banyak di luar pesisir Sarawak (iaitu di Medan Luconia Tengah yang terletak ke utara Bintulu) pada awal tahun 1970-an. Pembinaan projek Pelabuhan Bintulu ini bermula pada Ogos 1979 dan siap pada Disember 1982 dengan menelan belanja kira-kira RM558 juta. Ia mula beroperasi pada 1 Januari 1983. Bagaimanapun, sejak itu Pelabuhan Bintulu telah mengembangkan perkhidmatannya bagi menampung keperluan industri-industri lain yang telah berkembang di sekitar Pelabuhan dan kawasan-kawasan pedalaman.

Sempena dengan pengkorporatan Pelabuhan Bintulu pada 31 Disember 1992, BPSB telah diberikan lesen selama tiga puluh (30) tahun oleh BPA untuk mengendalikan perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu bermula daripada 1 Januari 1993 hingga 31 Disember 2022. Bagaimanapun, pembaharuan lesen ini adalah menurut budi bicara BPA. Pada 12 Januari 1993, selaras dengan penyempurnaan Perjanjian Jual Beli Perniagaan antara Kerajaan, BPA dan BPSB, 19,999,998 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham telah diterbitkan kepada BPA. Saham Khas BPSB telah diterbitkan kepada MoF Inc. pada 30 Julai 1994.

Bintulu Port Holdings Bhd. telah diperbadankan di Malaysia pada 22 Mac 1996 di bawah Akta Syarikat sebagai sebuah syarikat awam. BHB pada dasarnya merupakan sebuah syarikat pemegang pelaburan dan juga menyediakan khidmat pengurusan sokongan kepada anak syarikatnya.

Modal saham BHB yang dibenarkan ialah RM1,000,000,001 terdiri daripada 1,000,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dan satu (1) Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Khas bernilai RM1.00. Modal saham berbayar adalah RM2 merangkumi dua (2) saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

Pengambilalihan BPSB

Pada 13 Disember 2000, BHB menandatangani Perjanjian Jual Beli dengan pemegang saham tunggal BPSB, MoF Inc., bagi pengambilalihan 100% daripada keseluruhan modal saham BPSB terdiri daripada 65,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi balasan pembelian sebanyak RM428,369,536 dijelaskan melalui terbitan sebanyak 299,999,998 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam BHB pada harga terbitan lebih kurang RM1.43 setiap saham biasa, dikreditkan sebagai berbayar penuh. Untuk tujuan strategik, MoF Inc. telah mengekalkan satu (1) Saham Khas BPSB dalam BPSB.

Pendorong Di Sebalik Pertumbuhan Pelabuhan Bintulu

Industri petrokimia dan gas telah dikenal pasti sebagai salah satu pemangkin utama bagi pembangunan pesat di Malaysia, khususnya bagi Negeri Sarawak. Petroleum mentah, LNG dan keluaran petroleum menyumbangkan lebih daripada 4.8% dan 46.72% masing-masing daripada jumlah pendapatan eksport Malaysia dan Sarawak.

LNG telah menjadi penyumbang utama kepada pengendalian kargo di Pelabuhan Bintulu sejak pengeluaran bermula pada tahun 1983. Pengendalian LNG di Pelabuhan Bintulu meningkat daripada 1.382 juta tan pada tahun 1983 kepada lebih kurang 15.773 juta tan pada tahun 2000.

Pembinaan loji MLNG Tiga telah dimulakan dan dijangka akan memulakan pengeluaran pada 2002. Loji ini terletak bersebelahan kemudahan sedia ada yang juga menempatkan loji MLNG dan MLNG Dua di Bintulu. Loji MLNG Tiga mampu mengeluarkan sehingga 6.8 juta tan setahun apabila ia mencapai pengeluaran penuh. Penyiapan loji MLNG Tiga adalah saat bersejarah apabila Malaysia akan dengan itu mempunyai kompleks loji LNG terbesar di dunia di atas satu tapak.



Lain-lain produk petrokimia dikendalikan oleh Pelabuhan Bintulu termasuk minyak mentah, menyumbang lebih kurang 14.3% jumlah keseluruhan tanan pengendalian pelabuhan dalam tahun 2000, produk petroleum menyumbang 2.51%, keluaran Sintesis Sulingan Tengah (SMDS) 0.70% dan LPG 1.06%.

Kargo pukal kering yang merangkumi pasir silika, urea dan amonia, sodium silicate, isirong sawit, batu kelikir dan gipsium menyumbang lebih kurang 5.91% daripada tanan keseluruhan pengendalian pelabuhan pada tahun tersebut.

Bagi sektor kargo am, keluaran kayu kayan dalam bentuk kayu begergaji, venir dan papan lapis menyumbang lebih kurang 5.29% daripada tanan keseluruhan pengendalian pelabuhan. Pengendalian kontena turut bertambah lebih 30% berbanding tahun lepas dengan mencatatkan 47,609 TEUs.

Prospek Kumpulan BHB

Pelabuhan Bintulu mempunyai kelebihan teknikal dari segi kemudahan untuk memenuhi keperluan aktiviti ekonomi daerah pedalamannya dan dengan siapnya loji LNG Tiga dan Jeti LNG-3 pada tahun 2002, Pelabuhan Bintulu akan menjadi terminal LNG tunggal

yang terbesar di dunia. Pelabuhan ini juga mengendalikan kargo bagi sulingan tengah daripada satu-satunya loji SMDS di dunia dan kargo bagi urea daripada salah sebuah kilang baja yang terbesar di Asia, iaitu kilang ABF.

Pembangunan Pelabuhan Bintulu dan kawasan-kawasan perindustrian di Bintulu dijangka mendorong peluang-peluang ekonomi yang besar di Sarawak. Ini amat penting bagi Pelabuhan Bintulu kerana ia mempunyai potensi untuk menjadi terminal utama bagi memudahkan pergerakan bahan-bahan serta kelengkapan bagi aktiviti pembangunan dan akhirnya eksport keluaran yang dihasilkan oleh aktiviti perindustrian yang diwujudkan itu.

Prospek industri LNG dan petrokimia yang cerah, semakin pentingnya sektor perkilangan di Sarawak dan ekonomi yang berorientasi perdagangan luar negara merupakan perkembangan baik kepada pertumbuhan pelabuhan-pelabuhan di Sarawak, khususnya Pelabuhan Bintulu. Pembangunan-pembangunan tersebut dijangka meningkatkan asas pelanggan Kumpulan BHB yang sedia ada serta memberikan lebih daya tahan daripada sebarang kemerosotan dalam industri-industri tertentu dan ekonomi negara.

Penghargaan

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan atas segala sumbangan kepada Syarikat dan juga kepada pelanggan-pelanggan atas sokongan yang berterusan.

CAPT. AWANGKU MALYX BIN PENGIRAN MAHRAN
Pengarah Urusan



